

24 APR 2001

Thaksin-Gas

THAILAND KOMITED DALAM PROJEK USAHA SAMA GAS

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Thailand tetap akan meneruskan projek saluran gas menghubungkan selatan negara itu ke Semenanjung Malaysia, kata perdana menteri Thaksin Shinawatra hari ini.

Beliau berkata kerajaan Thailand tetap berpegang kepada perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan Thai sebelum ini.

Thaksin yang tiba hari ini berkata demikian pada sidang berita di sini sempena lawatan dua harinya ke Malaysia.

Projek saluran gas itu adalah usaha sama antara Lembaga Petroleum Thailand dan Petronas.

Ketika ditanya bila Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dapat diluluskan bagi membolehkan projek itu dilaksanakan, Thaksin berkata : "Kami akan cuba sebaik mungkin."

Katanya apa juga kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara, kerajaan Thailand akan melaksanakannya.

Minggu lepas, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican dilaporkan berkata projek itu menghadapi masalah kelewatan kerana kajian EIA belum diluluskan oleh pihak berkuasa Thai.

Projek saluran gas dan penapisan yang dimajukan oleh Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA) adalah satu usaha sama antara Petronas dan Petroleum Thailand.

Gas dari lapangan Cakerawala di JDA itu dirancang untuk dibawa menerusi saluran paip dari lapangan luar pantai Songkhla (di selatan Thai) ke Bukit Kayu Hitam di bahagian sempadan Malaysia.

Thaksin berkata beliau dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membincangkan soal kerjasama dalam bidang ekonomi dalam pertemuan mereka hari ini.

-- BERNAMA

AT ZS MAI